

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 19 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9296

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan pendirian Kerajaan tentang kanak-kanak yang dilahirkan kepada pasangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftarkan setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan bukan warganegara atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada iaitu:-

- 1. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia;**
- 2. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123) bagi negeri Sabah; dan**
- 3. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak CAP 10) bagi negeri Sarawak.**

Dokumen Pendaftaran Kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN adalah bukti bahawa kelahiran tersebut telah berlaku di Malaysia dan ia tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam penentuan status kewarganegaraan seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa

seperti mana diperuntukkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi perkahwinan yang tidak berdaftar atau anak lahir sebelum perkahwinan, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

SOALAN (38)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B DATO' HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

SOALAN :-

Y.B Dato' Hasan Bin Arifin [Rompin] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan menggunakan undang-undang tertentu bagi mengawal pembaziran makanan dengan menggunakan undang-undang yang mana bagi mereka yang tidak menghabiskan makanan dalam kuantiti lebih 20% dari jumlah makanan yang dipesan akan dikenakan denda.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum menggubal undang-undang tertentu bagi mengawal pembaziran makanan. Walau bagaimanapun, KP KT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSPN) telah menjalankan kajian bersama *Institute for Global Environmental Strategies (IGES) - Ministry of Environment Japan* (MOEJ) mengenai pengurusan sisa makanan pada tahun 2011 sehingga 2013. Hasil daripada kajian tersebut, KP KT telah mewujudkan Pelan Pembangunan Pengurusan Sisa Makanan bagi Sektor Industri, Komersil dan Institusi. Tempoh pelaksanaan pelan pembangunan ini adalah dari tahun 2016 sehingga 2026.

Melalui pelan pembangunan ini, Kementerian telah mengenalpasti enam (6) strategi utama dengan 31 pelan tindakan yang memfokuskan peningkatan tanggungjawab oleh penjana sisa makanan di sektor industri, komersil dan institusi (ICI) seperti di pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, universiti dan lain-lain lagi.

Menerusi pelan pembangunan ini, penjana sisa di ICI digalakkan untuk membuat pelaporan data secara sukarela bermula dari tahun 2017 sebelum dilaksanakan secara mandatori. Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan data asas bagi pengurusan sisa makanan. Selain itu, KPKT juga akan menggubal Peraturan-Peraturan Pengurangan Sisa Makanan dan Pembersihan Awam (Sisa Makanan) pada tahun 2018. Melalui pelan pembangunan ini, terdapat tiga garis panduan yang akan diterbitkan iaitu;

- a) Garis Panduan Meminimumkan/Pengurangan Sisa Makanan di Punca (ICI);
- b) Garis Panduan Rawatan Sisa Makanan di Punca (ICI); dan
- c) Garis Panduan Pengendalian, Rawatan dan Pengurangan Sisa Makanan di Punca (Isirumah)

Selain itu, KPKT melalui SWCorp juga telah melaksana dan mempromosi program *Value Food No Waste* bersama pihak hotel dan pengusaha makanan dalam meningkatkan kesedaran mengenai pengurangan sisa makanan dan sekali gus mengelakkan pembaziran makanan. Program ini juga diadakan dengan kerjasama daripada Persatuan Hotel Malaysia bagi mengaktifkan penglibatan pengusaha hotel didalam kempen pengurangan sisa makanan *Value Food No Waste*.

Waste bagi mengelakkan lebihan makanan terutamanya di musim perayaan. Taklimat mengenai pengurusan sisa organik juga telah diadakan di 12 buah hotel yang terpilih di setiap negeri yang berada di bawah Akta 672 iaitu negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah, Perlis, Pahang dan W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2016

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Nasrudin bin Hassan
[Temerloh]

TARIKH : 19 Oktober 2016

SOALAN : Tuan Haji Nasrudin bin Hassan
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan langkah-langkah bagi
membendung aktiviti monopolii dalam industri
beras dan padi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, pihak Kerajaan merumuskan bahawa isu monopolii tidak timbul dalam pengurusan padi dan beras di negara ini terutamanya dari aspek rantai pengedaran. Walaupun BERNAS dilantik sebagai pengimport tunggal beras berdasarkan Perjanjian Konsesi BERNAS dengan Kerajaan Malaysia, namun rantai pengedaran padi dan beras di dalam negara turut melibatkan sebanyak 227 pengilang, 3,450 pemborong dan 42,011 peruncit di seluruh Malaysia yang bersaing berdasarkan pasaran bebas.

Pemberian pengimportan beras kepada BERNAS juga diiringi dengan tugas dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh BERNAS sebagaimana terma-terma dalam Perjanjian dengan Kerajaan Malaysia iaitu BERNAS perlu menjalankan dan menunaikan tugas dan tanggungjawab sosial seperti berikut:-

- i. mengurus dan mengekalkan **stok penimbang negara** pada paras kuantiti yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- ii. menjamin belian padi daripada petani pada **harga minima terjamin** (*guaranteed minimum price*);
- iii. menjadi **pembeli terakhir** padi kepada petani;
- iv. mengurus pembayaran **skim subsidi harga padi** kepada petani; dan
- v. mengurus **skim kilang Bumiputera**

Bagi membendung aktiviti monopoli serta memastikan semua pemain industri termasuk BERNAS menjalankan tanggungjawab mereka dengan effisen, Kementerian sentiasa memantau dan menilai aktiviti yang dijalankan. Selain itu, semua penggiat industri, adalah tertakluk kepada Akta Persaingan 2010 dan berada di bawah pengawasan Suruhanjaya Persaingan Malaysia.